

Bengkel pengurusan pelancongan



SERAMAI 40 pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Tinggi Katholik, Petaling Jaya, baru-baru ini berpeluang mengikuti bengkel pengurusan pelancongan anjuran Sekolah Pengurusan Pelancongan Kolej Sunway.

Bengkel bertujuan mendedahkan para pelajar tentang kerjaya berkaitan industri pelancongan termasuk pengurusan dan layanan.

Bengkel terbahagi kepada tiga segmen iaitu 'Sesi Memasak Telur', 'Sesi Melipat Napkin' dan 'Kelas Etika Ketika di Meja Makan' dikendalikan oleh pensyarah dan chef Sekolah Pengurusan Pelancongan Kolej Sunway.

Menurut Penyelaras Akademik Sekolah Pengurusan Pelancongan Kolej Sunway, **Angela Thexeira**, bengkel diharapkan dapat meningkatkan minat pelajar untuk menceburi bidang perkhidmatan pelancongan.

"Memandangkan industri pelancongan kini menjadi salah satu sektor yang mendatangkan sumber pendapatan negara, kita berharap bengkel berkenaan dapat menyemarakkan semangat para pelajar untuk menceburi bidang berkaitan," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bengkel dikatakan gamat dan 'kecoh' menerusi segmen memasak telur oleh dua orang chef iaitu Andy Woon dan Loke Hoi Weng yang 'mendera' para pelajar menunjukkan 'kepakaran' masing-masing membuat omelet.

SEBAHAGIAN pelajar mendengar penerangan Chef Andy Woon tentang teknik membuat telur omelet di Petaling Jaya, baru-baru ini.



This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.